

16/06/1999

PM akan umum inisiatif baru e-dagang

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengumumkan inisiatif baru perdagangan elektronik (e-dagang) kebangsaan tidak lama lagi.

Setakat ini, NITC yang ditubuhkan atas arahan Kabinet pada November 1993 sudah merangka dua inisiatif mega di peringkat nasional dengan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita).

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata inisiatif baru e-dagang peringkat kebangsaan itu adalah sejajar dengan penekanan yang lebih meluas kerajaan terhadap e-dagang.

Malah, katanya, antara pelan tindakan digariskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebelum ini ialah mengenai keperluan mempromosikan e-dagang lebih meluas di seluruh negara.

"Kini ekonomi negara mulai pulih daripada krisis. Saya percaya pengusaha tempatan berada dalam kedudukan baik untuk mempergiatkan lagi momentum e-dagang.

"Kerajaan sentiasa mengambil pendirian positif dalam galakan terhadap e-dagang. Bulan lalu, sebahagian daripada kontrak kerajaan elektronik diberikan kepada konsortium tempatan.

"Kerajaan elektronik adalah antara aplikasi utama MSC, satu daripada inisiatif yang dilancarkan kerajaan untuk memantapkan lagi era teknologi maklumat (IT)," katanya pada pelancaran 'ProcureFlow' iaitu produk terbaru Internet berasaskan e-dagang diperkenalkan Silicon Professional Services MSC Sdn Bhd, di sini hari ini.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh. Hadir sama ketua eksekutif syarikat terbabit, Kho Han Mien. Syarikat berkenaan yang baru berusia setahun adalah antara syarikat yang dianugerahkan status MSC.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, MSC sudah menjadi satu kenyataan dengan siapnya projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan pusat pentadbiran Putrajaya.

Katanya, MSC adalah tempat pertama di dunia yang membawa bersama semua elemen diperlukan untuk mewujudkan persekitaran IT menerusi kerjasama di antara syarikat tempatan dan antarabangsa.

Beliau berkata, syarikat tempatan sudah bekerjasama dengan syarikat bertaraf dunia yang mencetuskan proses pemindahan teknologi.

"Adalah amat mengalakkan untuk melihat syarikat tempatan menyahut cabaran era teknologi dan dengan usaha ini, pengguna tempatan dan asing mendapat faedah lebih kerana boleh memperolehi produk bermutu tinggi pada harga yang terbaik," katanya.

Mustapa berkata, International Data Corporation (IDC) mengunjurkan urusan niaga e-dagang di Malaysia akan mencecah angka AS\$1.5 bilion (RM5.7 bilion) menjelang tahun 2003.

Katanya, memang sudah terbukti bahawa e-dagang membantu syarikat mengurangkan kos pentadbiran dan memperbaiki kecekapan serta keberkesanan.

Mengenai produk ProcureFlow yang akan turut dieksport untuk pasaran antarabangsa, beliau berkata ini akan membantu menjana pendapatan negara. Tahun lalu, eksport negara mencatat lebihan membanggakan iaitu RM36.8 bilion berbanding defisit RM15 bilion pada 1997.

"Malah, lebih banyak syarikat yang sudah mendapat status MSC bersedia untuk mengeksport produk mereka ke luar negara dan dengan itu, menjana segmen baru perkembangan ekonomi negara," katanya.

(END)